

**KAJIAN ETNOARKEOLOGI TERHADAP
MASYARAKAT PETANI PADI BUKIT SUKU
TEMIAR DI RPS PASIK, HULU KELANTAN**

NUR ATHMAR BINTI HASHIM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2013

**KAJIAN ETNOARKEOLOGI TERHADAP
MASYARAKAT PETANI PADI BUKIT SUKU
TEMIAR DI RPS PASIK, HULU KELANTAN**

Oleh

NUR ATHMAR BINTI HASHIM

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan
bagi Ijazah Sarjana Sastera**

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Julai 2013

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah izinnya dapat saya menyiapkan kajian ini. Terima kasih tidak terhingga kepada penyelia saya En.Hamid Mohd Isa yang banyak memberi tunjuk ajar, nasihat, bimbingan, pandangan dan bantuan yang diperlukan sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Kajian ini juga dapat dilaksanakan menggunakan geran RU Top Down Projek Penyelidikan Arkeologi Orang Asli 1001/PARKEO/87004. Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada Prof.Dr.Mokhtar bin Saidin, Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global sebagai penyelia bersama yang sentiasa memberi dorongan dan galakan. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada En.Jeffrey bin Abdullah, Profesor Hamzah bin Mohamad dan Prof. Madya Dr. Stephen Chia Ming Soon atas pandangan dan idea sepanjang menyiapkan kajian ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada En.Aziz Abdul Majid pensyarah Geografi yang banyak membimbing, memberi semangat dan sokongan dalam menyiapkan tesis ini. Kajian di lapangan ini tidak mungkin terlaksana tanpa kerjasama dan bantuan beberapa agensi dan individu. Dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia kerana memberi kebenaran menjalankan kajian ini. Saya juga terhutang budi kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli Gua Musang, Kelantan terutama kakitangannya En.Azmee, En.Hafiz, En.Badrol dan En.David yang banyak memberikan bantuan. Semasa berada di RPS Pasik saya banyak dibantu oleh kakitangan Jabatan Agama Islam Kelantan (JAHEIK) iaitu En.Wan dan En. Iqbal, kakitangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) iaitu En.Faizal, En.Jay dan En.Sani, kakitangan Jabatan Kesihatan Jeli serta Warga Sekolah Kebangsaan Sri

Permai. Saya juga terhutang budi kepada penduduk RPS Pasik terutama kepada *batin* En.Hashim dan En.Jali kerana memberikan kerjasama dan keizinan kepada saya mengikuti setiap aktiviti masyarakat terutama yang melibatkan pertanian padi bukit.

Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan saya dari kumpulan etnoarkeologi Pusat Penyelidikan Arkeologi Global iaitu En.Muzani Ahmad, En.Mohd Kamal Samsudin, Puan Aliza Alias dan En. Amir Ahmad yang membantu saya di lapangan. Saya juga berterima kasih kepada kakitangan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global Universiti Sains Malaysia terutama Puan Normah, Puan Sharifah, En.Ikhwan, En Hanif, En.Ammar, En.Abdul Latif, En.Abdul Mutalib, En.Fadly, En.Hafiz yang banyak membantu saya di lapangan dan makmal bagi menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan yang banyak membantu saya sehingga kajian ini selesai terutama Puan Noor Aiza Abdul Rahim, En.Nasha Rodziadi Khaw, En.Saiful, En.Suresh, Puan Naizatul Akma Mohd Moktar, Puan Nor Kharunissa Talib, Puan Iklil Izzati Zakaria, Cik Nor Asikin Rashidi, Cik Suhana Yusof, En.Shamsul, Cik Akmahazila, dan mereka-mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung membantu saya dalam kajian ini. Kajian ini dapat diselesaikan berkat doa keluarga tersayang terutama ayahanda dan bonda tercinta En.Hashim bin Apil dan Puan Udara binti Asi yang banyak memberi galakkan, nasihat dan mendengar isi hati, tidak lupa kepada abang Badrol Hisyam, abang Saifol Nahrain dan keluarga, kakak Nur Salwa dan keluarga, kakak Nur Huda dan keluarga, abang Khairol Nizam, dan Ahmad Bukhairi serta keluarga yang tersayang kerana banyak memberikan nasihat dan semangat. Hanya Allah S.W.T yang dapat membalas jasa kalian. Terima kasih semua.

ISI KANDUNGAN

Perkara	Halaman
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI PETA	viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI PLET	xi
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xv
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Kajian Terdahulu	1
1.3 Isu dan Masalah	8
1.3.1 Adaptasi	8
1.3.2 Teknologi	8
1.3.2.1 Isu Pisau Tembeling	9
1.3.2.2 Budaya Material Pertanian Padi Bukit Masyarakat Temiar	9
1.3.2.3 Corak Pertanian	10
1.3.3 Struktur Sosial dan Kepimpinan	10
1.3.4 Sistem Kepercayaan Petani Padi Bukit	11
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Metodologi Kajian	12
1.5.1 Kajian Perpustakaan	12
1.5.2 Survei Kawasan	13
1.5.3 Pemetaan Kawasan	14
1.5.4 Penyertaan Ikut Serta	15
1.5.5 Borang Soal Selidik	17
1.5.6 Kaedah Temubual	17
1.5.7 Catatan	19
1.5.8 Lukisan	20
1.5.9 Eksperimen	20
1.5.9.1 Penghasilan Replika Pisau Tembeling	21
1.5.9.2 Eksperimen Kesan Guna	21
1.5.10 Analisis Kesan Guna	22
1.5.10.1 Analisis Makro	22
1.5.10.2 Analisis Mikro	22
1.5.11 Rakaman Audio, Video dan Foto	23
1.5.12 Analisis Data	23
1.5.13 Interpretasi Data dan Penulisan Laporan	24
1.6 Kawasan Kajian	24

1.6.1 Kampung Pasik	26
1.6.2 Kampung Sugi	28
1.6.3 Kampung Ayong	29
1.6.4 Kampung Perwer	31
1.6.5 Kampung Peralong	32
1.7 Skop Kajian	33
BAB 2 MASYARAKAT PERTANIAN PADI BUKIT KONTEMPORARI	34
ASIA TENGGARA	
2.1 Pengenalan	34
2.2 Tujuan	35
2.3 Tanah Besar Asia Tenggara	36
2.3.1 Semenanjung Malaysia	36
2.3.1.1 Semai	37
2.3.2 Laos	39
2.3.2.1 Masyarakat Katu	39
2.3.2.2 Masyarakat Hmong	44
2.3.2.3 Masyarakat Kmhmu'	46
2.3.3 Thailand	49
2.3.3.1 Masyarakat Karen	49
2.3.3.2 Masyarakat Lahu	52
2.3.3.3 Masyarakat Lisu	54
2.3.3.4 Masyarakat Akha	55
2.3.4 Vietnam	56
2.3.4.1 Masyarakat Stieng	56
2.3.4.2 Masyarakat Bru	60
2.3.4.3 Masyarakat Pacoh	61
2.4 Kepulauan Asia Tenggara	62
2.4.1 Malaysia Timur (Sabah)	63
2.4.1.1 Murut	63
2.4.2 Malaysia Timur (Sarawak)	65
2.4.2.1 Iban	65
2.4.3 Indonesia	69
2.4.3.1 Masyarakat Baduy	69
2.4.3.2 Masyarakat Sakai	72
2.4.3.3 Masyarakat Wana	74
2.5 Rumusan	76
BAB 3 MASYARAKAT PETANI PADI BUKIT RPS PASIK, KELANTAN	79
3.1 Pengenalan	79
3.2 Sejarah dan Latar Belakang Masyarakat Temiar	79
3.3 Adaptasi	81
3.3.1 Adaptasi Dengan Bukit	81
3.3.2 Adaptasi Dengan Sungai	84
3.4 Corak Ekonomi Masyarakat Temiar	85
3.4.1 Pertanian Padi Bukit	87
3.4.1.1 Konsep-konsep Perladangan	89
3.4.1.2 Pemilikan Ladang Padi Bukit	91

3.4.1.3 Keluasan Kawasan Pertanian Padi Bukit	93
3.4.1.4 Kitaran Gerak Kerja Pertanian Padi Bukit	95
3.4.1.4.1 Pemilihan Ladang Padi Bukit	97
3.4.1.4.2 Pembersihan Kawasan	100
3.4.1.4.3 Pembakaran	101
3.4.1.4.4 Pemilihan biji benih	102
3.4.1.4.5 Menugal	104
3.4.1.4.6 Merumput	108
3.4.1.4.7 Menuai	108
3.4.2 Tanaman Sara Diri Lain	115
3.4.3 Memungut Untuk Subsisten	117
3.4.4 Memburu	119
3.4.5 Menangkap Ikan	122
3.4.6 Memungut Untuk Komersial	123
3.4.7 Pertanian Getah	125
3.4.8 Makan Gaji	126
3.5 Rumusan	127

BAB 4 STRUKTUR SOSIAL DAN KEPERCAYAAN MASYARAKAT 129

PADI BUKIT TEMIAR

4.1 Pengenalan	129
4.2 Struktur sosial	129
4.3 Jenis-jenis Rumah Masyarakat Padi Bukit Temiar	130
4.3.1 Rumah Panjang	131
4.3.2 Rumah Buluh	133
4.3.3 Rumah PPRT	135
4.4 Kinship	136
4.5 Perkahwinan	138
4.6 Sistem Kepimpinan	139
4.6.1 Peranan <i>Batin</i> /Penghulu	142
4.6.2 Peranan <i>Tok Stin</i>	143
4.6.3 Peranan Ketua Adat	144
4.6.4 Peranan <i>Berlian</i>	144
4.7 Kepercayaan	144
4.7.1 Kepercayaan Kepada Tuhan	145
4.7.1.1 <i>Ahad</i>	146
4.7.1.2 <i>Alleh</i>	146
4.7.1.3 <i>Nyuk Le'Juler</i>	146
4.7.1.4 <i>Nyuk Dui Tampoi</i>	147
4.7.1.5 <i>Karei</i>	147
4.7.2 Upacara Amal dan Pantang Larang Dalam Pertanian Padi Bukit	148
4.7.2.1 Upacara Amal dan Pantang Larang Semasa Pemilihan Ladang	149
4.7.2.2 Upacara Amal dan Pantang Larang Semasa Menanam Padi Bukit	150
4.7.2.3 Upacara Amal dan Pantang Larang Selepas Menuai	152
4.7.3 Kenduri	152
4.7.3.1 Kenduri Semasa Menugal Padi	153
4.7.3.2 Kenduri Selepas Menuai	154
4.7.3.3 <i>Kenduri Semangat Padi</i> /Kenduri Tahun Baru	155

4.7.4 Sewang	162
4.7.4.1 Balai Sewang	163
4.7.4.2 <i>Berlian</i>	165
4.7.4.3 <i>Sewang Semangat Padi Bukit (Sewang Orang Asal)</i>	165
4.7.4.4 <i>Sewang Selumbang</i>	175
4.7.4.5 <i>Sewang Membuka Pantang</i>	179
4.7.4.6 Sewang Keraian	181
4.8 Rumusan	183
BAB 5 PERALATAN BUDAYA MATERIAL PERTANIAN PADI BUKIT	184
5.1 Pengenalan	184
5.2 Peralatan Budaya Material Pertanian Padi Bukit Masyarakat Temiar	185
5.2.1 <i>Beliung (Jek)</i>	185
5.2.2 <i>Tugal</i>	187
5.2.3 <i>Taman</i>	187
5.2.4 <i>Nyiru</i>	188
5.2.5 <i>Gadam</i>	190
5.2.6 <i>Alu dan Lesung padi</i>	192
5.3 Pisau Tembeling	194
5.3.1 <i>Pandangan Sarjana Tentang Pisau Tembeling</i>	194
5.3.2 <i>Analisis Pisau Tembeling</i>	195
5.4 Eksperimen Replika Pisau Tembeling	196
5.4.1 <i>Lokasi Pemilihan Material</i>	197
5.4.2 <i>Langkah-langkah Eksperimen Replika Pisau Tembeling</i>	198
5.4.3 <i>Hasil Analisis</i>	203
5.5 Eksperimen Kesan Guna	205
5.5.1 <i>Analisis Kesan Guna</i>	210
5.6 Rumusan	213
BAB 6 KESIMPULAN	214
6.1 Pengenalan	214
6.2 Adaptasi	214
6.3 Corak Pertanian	215
6.4 Struktur Sosial dan Kepimpinan	215
6.5 Kepercayaan	216
6.6 Peralatan Budaya Material	216
6.7 Eksperimen Pisau Tembeling	217
6.8 Masyarakat Petani Padi Bukit Kontemporari Asia Tenggara	217
6.9 Cadangan Kajian Pada Masa Hadapan	218
RUJUKAN	219
SENARAI PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN SEMINAR	228
GLOSARI	229
INDEX	230

SENARAI PETA

Peta	Tajuk	Halaman
1.1	Tapak penemuan padi awal dan penemuan Pisau Tembeling	7
1.2	Lokasi kawasan kajian	26
2.1	Masyarakat petani padi bukit kontemporari Asia Tenggara	35
5.1	Peta Geologi Lokasi Pisau Tembeling (A) dan lokasi material Replika (B)	198
5.2	Lokasi kawasan eksperimen replika Pisau Tembeling di Kampung Kota Aur, Kepala Batas, Pulau Pinang	206

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Halaman
2.1	Masyarakat petani padi pukit kontemporari Asia Tenggara	36
3.1	Kegiatan ekonomi penduduk RPS Pasik, Hulu Kelantan	86
3.2	Jumlah penglibatan penduduk dalam pertanian padi bukit di RPS Pasik Hulu Kelantan	88
3.3	Corak pemilikan ladang padi bukit RPS Pasik, Hulu Kelantan	91
3.4	Keluasan ladang padi bukit mengikut jumlah keluarga	94
3.5	Kitaran Gerak kerja pertanian padi bukit	95
3.6	Hubungan taburan hujan (mm) dan suhu (C°) di Kelantan dengan kitaran gerak kerja pertanian padi bukit	96
3.7	Kecerunan kawasan ladang padi bukit	99
3.8	Tempoh masa dan bilangan penglibatan ahli mengikut jantina dalam aktiviti menugal	107
3.9	Jumlah penglibatan ahli menuai mengikut jantina dan tempoh masa	110
3.10	Kekerapan memungut untuk subsisten dan penglibatan ahli	118
3.11	Jumlah ahli dan jarak memburu	120
3.12	Penglibatan penduduk dalam aktiviti menangkap ikan di RPS Pasik, Hulu Kelantan	123
3.13	Jumlah penduduk di RPS Pasik, Hulu Kelantan yang terlibat dalam sektor makan gaji	127
4.1	Struktur sosial masyarakat Temiar	130
5.1	Hasil analisis sampel asal dan sampel replika	204
5.2	Bahagian eksperimen kesan guna setiap replika	207

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Halaman
3.1	Corak ekonomi penduduk RPS Pasik, Hulu Kelantan	87
3.2	Penglibatan masyarakat dalam pertanian padi bukit RPS Pasik, Hulu Kelantan	88
3.3	Corak pemilikan ladang padi bukit di RPS Pasik, Hulu Kelantan	93
3.4	Taburan hujan di Negeri Kelantan pada tahun 2011	97
3.5	Kuantiti biji benih di setiap ladang	103
3.6	Pergerakan petani semasa menugal iaitu secara gelombang (<i>wave shapes</i>)	105
3.7	Jumlah penduduk yang terlibat dalam tanaman sara diri lain di RPS Pasik, Hulu Kelantan	116
3.8	Jumlah penduduk yang terlibat dalam aktiviti memungut untuk komersial di RPS Pasik, Hulu Kelantan	124
3.9	Jumlah penduduk di RPS Pasik, Hulu Kelantan yang terlibat dalam pertanian getah	126
4.1	Susun atur rumah panjang Kampung Peralong di RPS Kuala Betis, Hulu Kelantan	133
4.2	Susun atur rumah asas (buluh) di RPS Pasik, Hulu Kelantan	135
4.3	Susun atur rumah PPRT di RPS Pasik, Hulu Kelantan	136
4.4	Sistem kepimpinan tradisional	141
4.5	Sistem kepimpinan sekarang	142
4.7	Konsep tuhan dalam masyarakat Temiar, RPS Pasik, Hulu Kelantan	145
4.8	Susun atur dalam balai sewang	164
4.9	Susun atur <i>lengkor</i> mengikut tuhan dan semangat	170
5.1	Beliung	187
5.2	Nyiru	189
5.3	Teknik anyaman nyiru (selang seli)	190
5.4	Teknik anyaman gadam (selang seli)	191
5.5	Tempoh masa memotong padi mengikut sampel	209

SENARAI PLET

Plet	Tajuk	Halaman
1.1	Pemetaan menggunakan pita pengukur	15
1.2	Pemetaan menggunakan GPS (<i>Global Positioning System</i>)	15
1.3	Penyertaan ikut serta dalam aktiviti menuai padi bukit	16
1.4	Penyertaan ikut serta dan temubual bersama wanita Temiar	18
1.5	Temubual secara mendalam bersama dengan <i>batin</i> Hashim A/L Alang	19
1.6	Catatan berdasarkan pemerhatian di kawasan lapangan	20
1.7	Penempatan Kampung Pasik	28
1.8	Penempatan Kampung Sugi	29
1.9	Penempatan Kampung Ayong	30
1.10	Penempatan Kampung Perwer	32
3.1	Penempatan Orang Asli Kampung Sugi, RPS Pasik, Hulu Kelantan	82
3.2	Kawasan ladang padi bukit di RPS Pasik, Hulu Kelantan	84
3.3	Proses pembakaran kawasan ladang	102
3.4	Jenis-jenis padi bukit	103
3.5	Suasana menugal padi bukit	105
3.6	Teknik menugal	106
3.7	Proses meletakkan biji benih	106
3.8	Teknik menuai padi menggunakan <i>taman</i>	110
3.9	<i>Punchor</i>	112
3.10	Teknik mengurai tangkai padi bukit	112
3.11	Proses menjemur padi bukit	113
3.12	Teknik menumbuk padi bukit	114
3.13	Kedudukan gadam semasa proses menumbuk padi	114
3.14	Aktiviti menampi	115
4.1	Pemotongan buluh lejang	157
4.2	Proses memasukkan beras ke dalam buluh	158
4.3	Proses membakar lejang	158
4.4	Susunan daun lerek semasa kenduri	159
4.5	<i>Batin</i> menyudahkan doa dengan menyapu muka dengan tangan	160
4.6	<i>Batin</i> mengangkat tangan sebagai tanda untuk menjamu selera	161

4.7	Menjamu selera selepas dibenarkan oleh <i>batin</i>	161
4.8	Peralatan sewang; a: <i>chantung</i> , b: marakas, c: gong, d: gendang	163
4.9	Pemakaian <i>tempok</i>	166
4.10	Gubahan daun <i>tempong</i>	168
4.11	Lengkor saiz kecil	168
5.1	Beliung atau <i>Jek</i>	186
5.2	<i>Taman</i>	188
5.3	Nyiru	189
5.4	Gadam	191
5.5	Teknik menggunakan gadam	192
5.6	Teknik menggunakan lesung dan alu padi	193
5.7	Artifak Pisau Tembeling	195
5.8	Melukis sampel	199
5.9	Teknik merepehkan sampel menggunakan batu pemukul dan batu pelandas (hentaman tidak secara langsung dan merapikan mata tepi)	200
5.10	Teknik merepehkan sampel menggunakan batu pemukul dan peha (hentaman tidak secara langsung dan merapikan mata tepi)	200
5.11	Batuan kuarza digunakan untuk mengasah bagi menghasilkan mata tepi	201
5.12	Teknik asahan secara selari	202
5.13	Mengasah secara selari bagi menajamkan mata tepi	202
5.14	Catatan masa untuk asahan	203
5.15	Bahagian tangkai padi untuk eksperimen kesan guna replika PT1'12	207
5.16	Bahagian batang padi (bawah) untuk eksperimen kesan guna replika PT9'12	207
5.17	Bahagian batang padi (atas) untuk eksperimen kesan guna replika PT10'12	208
5.18	Teknik memotong padi secara selari	208
5.19	Teknik memegang replika untuk eksperimen kesan guna terhadap padi	209
5.20	Perbandingan kesan guna sampel PT1'12 (a) dan Pisau Tembeling (b)	211
5.21	Perbandingan kesan guna sampel PT10'12 (a) dan Pisau Tembeling (b)	212
5.22	Perbandingan kesan guna sampel PT9'12 (a) dan Pisau Tembeling (b)	213

KAJIAN ETNOARKEOLOGI TERHADAP MASYARAKAT PETANI PADI BUKIT SUKU TEMIAR DI RPS PASIK, HULU KELANTAN

ABSTRAK

Kajian etnoarkeologi terhadap masyarakat petani padi bukit Temiar ini melibatkan kajian lapangan sejak Oktober 2010 sehingga Mac 2011 di RPS Pasik, Gua Musang, Hulu Kelantan, dan diikuti kajian makmal dan penulisan laporan. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk memahami bagaimana corak teknologi dan adaptasi masyarakat petani awal Neolitik. Metodologi yang bersistematik digunakan melalui pendekatan arkeologi dan etnografi. Melalui pendekatan arkeologi, survei dan pemetaan dilakukan bagi mendapatkan peta taburan lokasi kajian dan maklumat yang berkaitan dengan kajian, selain itu eksperimen kesan gunaan juga dijalankan untuk menguji fungsi alat ‘Pisau Tembeling’. Pendekatan etnografi pula menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta, temubual (terbuka dan temubual secara mendalam), soal selidik, pengambilan foto, melukis serta membuat catatan. Data kualitatif dan kuantitatif yang dikumpulkan dianalisis dan diinterpretasi. Hasil kajian yang dijalankan ini bertujuan menjawab beberapa isu tentang masyarakat petani awal seperti corak pertanian, adaptasi, teknologi, kepercayaan dan struktur sosial, selain menjawab isu apakah alat ‘Pisau Tembeling’ berfungsi sebagai alat menuai padi.

Berdasarkan kepada kajian ini mendapati masyarakat petani padi bukit Temiar di RPS Pasik beradaptasi di kawasan berbukit dan sungai kerana sekitaran begini sesuai untuk tanaman padi bukit, selain menawarkan pelbagai flora dan fauna untuk

keperluan ekonomi, domestik dan subsisten serta sungai sebagai medium pengangkutan dan keperluan harian. Masyarakat ini juga mencipta pelbagai budaya material yang ringkas tapi berkesan dan praktikal. Mereka juga mempunyai pengetahuan memilih tapak yang sesuai untuk penanaman padi bukit selain berkeupayaan mengatur gerak kerja yang sistematik berdasarkan cuaca dan kesuburan tanah. Selain itu masyarakat ini mempunyai struktur sosial dan sistem kepimpinan yang tersusun untuk mengurus dan memastikan kesejahteraan mereka. Masyarakat ini juga mempunyai kepercayaan terhadap pelbagai tuhan dan semangat yang perlu dipatuhi bagi memastikan kelestarian dan kelangsungan terutama melibatkan aktiviti pertanian padi bukit, ini dizahirkan melalui upacara amal dan pantang larang. Berdasarkan kepada eksperimen yang dijalankan juga mendapati bahawa masyarakat Neolitik mempunyai pengetahuan untuk memilih bahan asas dan teknik yang sesuai untuk menghasilkan alat batu. Selain itu hasil eksperimen kesan gunaan yang dijalankan pula telah mencadangkan bahawa 'Pisau Tembeling' ini sebenarnya bukan digunakan untuk menuai padi.

ETHNOARCHAEOLOGICAL STUDY ON THE TEMIAR HILL RICE FARMERS IN RPS PASIK, HULU KELANTAN

ABSTRACT

Ethnoarchaeological study on Temiar hill rice farmers which involved field work has been conducted in RPS Pasik, Gua Musang, Hulu Kelantan on October 2010 until March 2011, followed by laboratory analyses and report writing. This research was carried out in order to understand the pattern of technology and adaptation of early Neolithic agriculturalist. A systematic methodology was applied using archaeological and ethnographical approach. Archaeological approaches, through survey and mapping were conducted to map the distribution of sites studied and other related data. In addition, experiment on useware was conducted to test the function of 'Tembeling Knife'. Ethnographical approaches were applied through participation observation, interviewed (open and indepth), questionnaires, and recording through photos, drawing and field note. Qualitative and quantitative data collected were analysed and interpreted. This study aims to answer issues pertaining early Neolithic agriculturalist particularly on their agricultural patterns, technology and adaptation, belief, social structure, and also on the function of the 'Tembeling Knife'.

Based on this research, it was found that the Temiar hill rice farmers were adapted to hilly mountain and rivers as this environment is suitable for hill rice farming, and the surrounding area offer various flora and faunas for their economy, domestic use and subsistence, while the river as a medium of communication and daily use. This people produced various simple material culture but efficient and practical. They also

possess knowledge in selecting suitable plot for hill rice farming as well as able to manage a systematic working schedule which depends on the weather and soil. They have their own social structure and a systematic leadership system to manage and ensure their prosperous live. They believe in various gods and deities to be obeyed to ensure their prosperity and survival, particularly involving hill rice farming. It is manifested in performing of rituals and obeying of taboos. Based on the experiment conducted, it is found that the neolithic people possess a knowledge in selecting suitable raw material and technique to make stone tools. Besides, the result from the experiment on the useware suggests that the 'Tembeling Knife' was not used in harvesting paddy.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini akan memberi pengenalan terhadap bukti-bukti arkeologi dan sejarah terhadap pertanian awal di Malaysia terutamanya melibatkan pertanian padi bukit (*Oryza spp*). Bukti-bukti ini adalah berdasarkan kajian-kajian terdahulu yang telah dijalankan. Bagaimanapun banyak persoalan dan isu yang timbul disebabkan kekurangan bukti dan tiadanya kajian terperinci dilakukan bagi menjawab isu dan masalah yang berkaitan. Oleh yang demikian pendekatan etnoarkeologi telah digunakan untuk menyelesaikan beberapa isu yang berlegar di sebalik pertanian padi bukit. Isu-isu ini akan menjadi dasar kajian ini yang diharap membantu untuk memahami tentang corak teknologi dan adaptasi masyarakat petani padi bukit awal. Maka, bab ini akan merangkumi tentang kajian terdahulu, objektif kajian, isu dan masalah, metodologi dan kawasan kajian.

1.2 Kajian Terdahulu

Zaman Neolitik di Malaysia telah bermula sekitar 5000 tahun dahulu sehingga 2000 tahun dahulu iaitu pada akhir zaman Holosen (Adi 1985: 12; Zolkurnian 1989:41-52; Zuraina 2003: 132; Mokhtar 2010: 12). Masyarakat pada zaman ini telah mengalami perubahan hidup yang mana mereka telah mempunyai penempatan yang tetap seperti di sepanjang sungai, gua dan pelindung batuan. Selain itu, masyarakat Neolitik ini juga dikatakan telah mula melibatkan diri dalam aktiviti pertanian sara diri dan dalam pada masa yang sama masih melibatkan diri di dalam aktiviti memburu dan

memungut. Namun tiada bukti-bukti arkeologi yang mencukupi untuk menunjukkan bukti pertanian pada zaman Neolitik apatah lagi untuk mengetahui bagaimana corak teknologi dan adaptasi mereka.

Tapak Neolitik yang menemui padi yang terawal di Semenanjung Malaysia ialah di Gua Cha, Ulu Kelantan yang merupakan sebuah pelindung batuan. Ketinggian gua ini ialah 100 meter dari arah barat Sungai Nenggiri dan selatan Sungai Perias. Jarak Gua Cha dari Kuala Sungai Betis adalah kira-kira 11.41 km dan 6 km dari perkampungan Orang Asli Kampung Tohoi. Tapak ini menjadi daya tarikan penyelidik dari seluruh negara kerana melalui ekskavasi oleh Adi pada tahun 1979 telah menemui padi yang telah terkarbonisasi atau terbakar (Adi 1985:69). Padi yang terkarbonisasi ini terlebih dahulu dijumpai oleh Sieveking pada tahun 1954 (Adi 1985:69). Namun begitu, Sieveking tidak membuat sebarang laporan berkaitan dengan penemuan bukti padi ini.

Berdasarkan pentarikhan radiokarbon melalui hasil ekskavasi yang telah dijalankan oleh Adi pada tahun 1979 mendapati bahawa padi yang terbakar ini adalah berusia 930 ± 100 B.P (ANU-2216) (Adi 1985:69). Analisis apungan yang telah dijalankan oleh Yen terhadap penemuan padi ini mendapati bahawa ia adalah berasal dari keluarga *Oryza sativa* L. dan dipercayai diantara bukti padi yang paling awal dijumpai di Semenanjung Malaysia (Adi 1985:69).

Penemuan padi juga telah ditemui di tapak Neolitik lain iaitu Gua Sireh yang berkedudukan pada latitud N 1°10.9' dan longitud E 110°27.7' yang berpusat di Gunung Nambi di Sarawak (Ipoi 1993:7). Hasil ekskavasi yang dijalankan oleh Ipoi

dengan bantuan Thompson pada tahun 1989 telah menemui bukti yang sangat penting iaitu penemuan sekam padi dan beberapa butir padi yang telah terkarbonisasi di dalam pecahan tembikar (Ipoi 1993:116). Penemuan padi ini adalah pada lapisan paling bawah iaitu 20 cm hingga 25 cm dan berdasarkan pentarikan radiokarbon mendapati bahawa usia padi (*Oryza sativa*) ini adalah antara 4835 hingga 4096 B.P (ANU 7049) (Ipoi 1993:116). Melalui pentarikan ini mendapati bahawa ia merupakan penemuan penting di Borneo malah sangat penting di negara ini bagi membuktikan bahawa pertanian awal telah bermula sejak zaman Neolitik.

Selain Gua Cha dan Gua Sireh, beberapa ahli arkeologi berpandangan bahawa tapak di Sungai Tembeling yang terletak di Pahang juga dipercayai berkemungkinan merupakan tapak bermulanya pertanian awal (Tweedie 1942:6; Tweedie 1949: 29, Adi 1989; Nik Hassan 1998:49). Hal ini kerana penemuan sejenis alat yang dikenali sebagai Pisau Tembeling (*Tembeling Knives*) yang dikatakan pisau untuk menuai padi di beberapa tapak di sepanjang Sungai Tembeling, Pahang (Nik Hassan 1998:49). Alat ini turut ditemui di Gua Madu, Hulu Kelantan dan Baling, Kedah (Adi 1989) (Peta 1.1).

Pisau Tembeling ini mempunyai ukuran yang berbeza-beza antara satu sama lain, misalnya Pisau Tembeling yang dijumpai di Sungai Tembeling dan Gua Madu (Kelantan) adalah berukuran 100 mm. Manakala ukuran Pisau Tembeling yang di temui di Baling (Kedah) pada tahun 1935 adalah berukuran 50 mm (Adi 1989). Namun begitu material yang digunakan terhadap pembuatan Pisau Tembeling ini adalah sama iaitu daripada batuan sabak atau syis. Berdasarkan interpretasi Adi (1989) terhadap Pisau Tembeling mendapati bahawa ia bukanlah merupakan alat batu yang digunakan oleh masyarakat Neolitik untuk memotong kayu seperti beliung dan kapak, tetapi ia berkemungkinan digunakan sebagai alat untuk menuai padi, melapah kulit haiwan atau memotong daging. Walaubagaimanapun analisis secara saintifik tidak dilakukan untuk membuktikan fungsi sebenar Pisau Tembeling yang dianggap sebagai alat yang signifikan dengan aktiviti padi bukit pada zaman Neolitik di negara ini.

Selain daripada zaman Neolitik, penemuan awal padi juga turut ditemui semasa zaman Proto Sejarah di negara ini. Tapak Proto Sejarah yang mempunyai penemuan awal padi ini ialah di kawasan Kuala Selinsing di Perak (Peta 1.1). Ekskavasi yang telah dijalankan kajian oleh Nik Hassan pada tahun 1988 hingga 1990 di tapak Kuala Selinsing ini telah menemui padi yang awal di Semenanjung Malaysia iaitu berusia 2200 tahun dahulu (Nik Hassan 1998:48). Namun begitu, beliau tidak dapat membuktikan bahawa padi tersebut merupakan padi bukit atau padi sawah. Dalam ekskavasi ini juga, beliau telah menemui sejenis alat yang dipercayai lesung yang digunakan untuk menumbuk padi.

Hasil daripada penemuan padi dan alat lesung di Kuala Selinsing ini, Nik Hassan telah mengemukakan dua teori yang berkaitan dengan asal-usul padi tersebut. Teori pertama beliau ialah kemungkinan masyarakat di Kuala Selinsing ini mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat yang tinggal di kawasan tanah besar Semenanjung Malaysia atau padi yang telah ditemui ini merupakan padi yang telah dibawa pedagang dari wilayah Asia Tenggara. Hal ini kerana Kuala Selinsing adalah merupakan rangkaian perdagangan yang terpenting di Selat Melaka dan merupakan *feeder port* bagi Lembah Bujang (Nik Hassan 1998:84).

Catatan sejarah juga merupakan sumber yang penting dalam membuktikan bahawa beras telah sampai di Tanah Melayu sejak dahulu lagi. Hal ini dapat dilihat menerusi catatan China pada zaman Dinasti Song (960-1279 Masihi) yang menyatakan bahawa *Tan-Man-Ling*, dipercayai bahawa masyarakat tempatan di Tembeling yang terletak di Pahang telah menjalankan aktiviti perdagangan. Aktiviti perdagangan ini telah dilakukan dengan pedagang asing dengan melibatkan barang-barang dagangan yang dikeluarkan oleh masyarakat tempatan seperti beras, sutera, tembikar, gading gajah, kayu gaharu dan kapur barus (Nik Hassan 1998:49). Aktiviti perdagangan ini menggunakan kaedah sistem *barter* atau pertukaran barang-barang dengan barang-barang mengikut nilai yang berbeza-beza. Contoh sistem pertukaran barang ini ialah dua *teng* (merujuk kepada pengiraan berat dalam Buddhist) beras sama dengan 1 *ons* (28.5 g) perak (Wheatley 1980:68).

Pada hari ini kita melihat bahawa kawasan di Kuala Muda, Pengkalan Bujang serta Sungai Batu yang terletak di selatan Kedah merupakan kawasan penting dalam penanaman padi. Kawasan-kawasan ini merupakan wilayah yang terawal melalui proses ketamadunan. Tamadun yang terawal telah ditemui adalah di tapak Sungai Batu iaitu pada kurun pertama sehingga kurun 17 Masihi (Zolkurnian *et.al* 2011: 35; Mokhtar *et.al* 2011:6). Tapak Sungai batu ini telah menemukan bukti yang mungkin dikatakan sebagai pengkalan dan jeti pelabuhan untuk perdagangan. Berdasarkan pentarikhan radiokarbon ini juga mendapati bahawa kawasan yang dikatakan jeti ini adalah berusia pada kurun kelima hingga kurun 15 Masihi (Mokhtar *et.al* 2011:6). Manakala kawasan di Kuala Muda dan Pengkalan Bujang pula mempunyai pentarikhan pada kurun ke 4 hingga kurun ke 14 Masihi (Nik Hassan 1998:49).

Hal ini mungkin kerana kawasan ini merupakan tempat yang berpengaruh dalam perkembangan awal padi di Tanah Melayu. Penemuan bajak kecil yang berukuran 33 mm dan *kuk* yang berukuran 44 mm pada kurun 10 Masihi hingga 11 Masihi yang dihasilkan dengan perak yang ditemui di bawah candi Hindu di tapak 16 Pengkalan Bujang mungkin merupakan simbol keagamaan yang berkaitan dengan penanaman padi walaupun tiada bukti pengeluaran padi di kawasan tersebut (Nik Hassan 1998:49). Meskipun bukti pertanian awal pada zaman Neolitik hingga Proto Sejarah di Semenanjung Malaysia adalah masih kabur, tetapi penemuan sisa padi dan catatan-catatan oleh pedagang asing dapat membantu ahli arkeologi membuat andaian bahawa penemuan padi bukit telah pun bermula sejak 2,200 tahun dahulu.



Peta 1.1 Tapak penemuan padi awal dan tapak penemuan Pisau Tembeling (Selepas Zuraina 2003)

1.3 Isu dan Masalah

Kajian yang dijalankan adalah untuk membantu menyelesaikan beberapa isu dan masalah yang timbul sebelum ini. Antara isu dan masalah dalam kajian ini adalah seperti dibawah.

1.3.1 Adaptasi

Berdasarkan bukti-bukti arkeologi, masyarakat Neolitik dikatakan masyarakat awal yang mengalami proses perubahan corak kehidupan iaitu daripada memburu dan memungut kepada masyarakat yang melibatkan diri dalam pertanian sara diri (Zuraina 2003:56-57). Masyarakat ini dipercayai mula membuat penempatan di kawasan yang berhampiran dengan sungai bagi memudahkan segala aktiviti pertanian dijalankan. Persoalannya, adakah faktor perubahan kehidupan daripada masyarakat pemburu pemungut kepada masyarakat pertanian menyebabkan masyarakat Neolitik membina penempatan yang beradaptasi dengan bukit dan sungai?. Melalui kajian terhadap adaptasi masyarakat Temiar ini akan dapat memberikan gambaran bagaimana mereka memilih kawasan penempatan dan apakah corak atau ciri-ciri yang sesuai dengan persekitaran aktiviti pertanian padi bukit .

1.3.2 Teknologi

Teknologi merupakan salah satu isu penting dalam kajian ini. Dalam kajian ini terdapat tiga isu teknologi yang cuba dijawab. Isu dan masalah yang pertama ialah berkaitan dengan artifak Pisau Tembeling yang dikatakan sebagai alat pertanian awal padi bukit yang digunakan oleh masyarakat Neolitik. Isu dan masalah yang kedua ialah bagaimanakah corak peralatan budaya material pertanian padi bukit dan isu

yang ketiga ialah bagaimana corak pertanian dan kaedah yang digunakan dalam aktiviti pertanian padi bukit?. Perbincangan secara terperinci adalah seperti di bawah.

1.3.2.1 Isu Pisau Tembeling

Beberapa sarjana seperti Tweedie (1942;1949) dan Adi (1989) membuat andaian bahawa alat batu yang dikenali sebagai Pisau Tembeling adalah alat menuai padi yang digunakan oleh masyarakat petani padi bukit awal. Persoalannya apakah bukti yang menunjukkan Pisau Tembeling ini digunakan sebagai alat untuk menuai padi?. Hal ini kerana tiada kajian saintifik dilakukan tetapi ahli arkeologi hanya membuat andaian berdasarkan morfologi alat batu itu semata-mata. Berdasarkan isu Pisau Tembeling ini, eksperimen akan dilakukan untuk menguji adakah Pisau Tembeling ini berfungsi sebagai alat untuk menuai padi ataupun tidak.

1.3.2.2 Budaya Material Pertanian Padi Bukit Masyarakat Temiar

Dalam kajian ini turut mengetengahkan isu dan masalah berkaitan dengan budaya material yang digunakan oleh masyarakat awal dalam aktiviti pertanian padi bukit . Kajian ini akan menguji sejauhmana masyarakat ini bijak memilih peralatan yang sesuai dan berkesan. Oleh itu, adakah berlakunya transformasi teknologi dalam menghasilkan peralatan pertanian padi bukit yang dikatakan telah bermula pada zaman Neolitik atau tidak. Selain itu, melalui isu ini juga dapat mengetahui jenis material yang digunakan dan fungsi material tersebut dalam pertanian padi bukit berdasarkan masyarakat Temiar yang dikaji.

1.3.2.3 Corak Pertanian

Corak pertanian ialah kaedah yang digunakan oleh petani dalam aktiviti pertanian. Gambaran awal tentang corak pertanian masyarakat Neolitik adalah masih kabur dan amat terbatas. Persoalannya ialah bagaimanakah corak atau kaedah yang digunakan sepanjang proses pertanian berlangsung iaitu bermula daripada pemilihan kawasan ladang sehinggalah mendapatkan hasil tuaian. Oleh itu, melalui kaedah etnografi terhadap masyarakat Temiar, kajian ini cuba melihat bagaimanakah corak pertanian yang diamalkan oleh masyarakat ini bagi membina analogi tentang corak pertanian masyarakat awal.

Persoalannya, adakah mereka mengamalkan kaedah pertanian pindah dalam pertanian padi bukit atau adakah terdapat kaedah lain yang digunakan dan bagaimanakah kaedah ini dapat diaplikasikan. Selain itu juga, apakah corak pertanian ini mempunyai hubung kait dengan corak adaptasi, teknologi, corak ekonomi, kepercayaan, musim dan cuaca atau faktor lain seperti kesuburan tanah. Oleh itu, data yang lebih terperinci akan diperolehi melalui kajian ke atas corak pertanian padi bukit masyarakat Temiar bagi menjawab isu dan masalah yang timbul berkaitan dengan corak pertanian yang dijalankan.

1.3.3 Struktur Sosial dan Kepimpinan

Kajian ini juga turut memberi fokus terhadap struktur sosial dan kepimpinan dalam masyarakat pertanian padi bukit. Tujuannya adalah untuk menjawab persoalan bagaimanakah corak sistem kekeluargaan dan corak sistem masyarakat ini, dan adakah masyarakat petani padi bukit telah mempunyai sistem peraturan, undang-undang atau mempunyai organisasi bagi mengurus kehidupan masyarakat. Selain itu

juga, kajian ini akan melihat bagaimanakah struktur sosial dan kepimpinan ini berperanan melestarikan dan memastikan keharmonian dalam kehidupan masyarakat petani padi bukit.

1.3.4 Sistem Kepercayaan Petani Padi Bukit

Kepercayaan dan amalan ritual berkaitan dengan pertanian padi bukit yang diamalkan oleh masyarakat petani awal adalah tidak jelas dan masih kabur, namun melalui kajian etnografi yang dijalankan di kawasan kajian akan melihat apakah wujud hubungan antara kepercayaan dan amalan ritual dengan aktiviti pertanian yang dilakukan sama ada semasa pemilihan kawasan ladang, sewaktu penanaman sehinggalah semasa menuai. Hasilnya nanti diharap dapat membentuk analogi dan gambaran perkaitan antara upacara amal, pantang larang dan kepercayaan dengan corak pertanian masyarakat petani awal.

1.4 Objektif Kajian

Antara objektif kajian yang dijalankan oleh penyelidik adalah seperti berikut:

- a) Untuk melihat persekitaran masyarakat petani padi bukit Temiar bagi memberikan gambaran corak adaptasi masyarakat petani awal.
- b) Untuk membuktikan secara saintifik adakah Pisau Tembeling berfungsi untuk menuai padi.
- c) Untuk mengkaji corak dan teknologi pertanian padi bukit masyarakat Temiar bagi membina analogi terhadap masyarakat petani padi bukit awal.

- d) Untuk memahami corak kepercayaan dan amalan ritual masyarakat pertanian padi bukit awal berdasarkan corak kepercayaan, pantang larang dan amalan ritual masyarakat petani padi bukit Temiar.
- e) Untuk melihat corak struktur sosial dan kepimpinan dalam masyarakat petani padi bukit.

1.5 Metodologi Kajian

Bagi menjawab setiap persoalan, isu dan masalah satu rangka kerja secara sistematik dan berkesan perlu dilakukan. Kajian terhadap masyarakat pertanian padi bukit Temiar ini telah menggunakan kaedah pendekatan etnografi dan arkeologi untuk mendapatkan keputusan yang relevan dengan kajian yang dilakukan. Berikut akan dibincangkan secara terperinci peringkat kerja yang dijalankan dalam kajian ini.

1.5.1 Kajian Perpustakaan

Sebelum menjalankan kajian secara lebih terperinci, pembacaan terhadap kajian yang terdahulu perlu dilakukan terlebih dahulu. Tujuan pembacaan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran awal masyarakat petani awal dan masyarakat kontemporari yang masih lagi mengamalkan pertanian padi bukit selain untuk mendapatkan data-data dari kajian terdahulu. Melalui pembacaan awal ini juga, membantu memahami latar belakang masyarakat Temiar dan sebagai pendedahan awal sebelum ke kawasan kajian.

1.5.2 Survei Kawasan

Survei kawasan telah dilakukan di RPS Pasik pada bulan 22 Oktober 2010 sehingga 24 Oktober 2010 adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat awal tentang kawasan untuk menjalankan kajian. Sebelum survei ini dijalankan, kajian ini terlebih dahulu perlu mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di daerah Gua Musang untuk mengelakkan sebarang masalah sepanjang kajian dijalankan. Selain itu, melalui jabatan ini dapat memberikan gambaran secara kasar kawasan kajian. Selain JAKOA, survei kawasan ini perlu mendapatkan keizinan daripada *batin* yang menjaga kawasan kajian. Ia bertujuan untuk mendapatkan kerjasama yang baik dari penduduk kampung bagi memperolehi data-data yang penting sepanjang kajian berlangsung. Pada masa ini juga, dilakukan penerangan dan perbincangan secara terperinci dengan *batin* untuk menjelaskan tujuan kajian dan menentukan tarikh yang sesuai untuk menjalankan kajian.

Survei yang dijalankan ini juga adalah bertujuan untuk mendapatkan taburan demografi masyarakat padi bukit Temiar secara khusus. Survei yang dijalankan ini menggunakan peralatan GPS (*Global Positioning System*) atau Sistem Kedudukan Sejagat dari jenis *Colorado Garmin* yang dapat membantu mendapat gambaran persekitaran dan adaptasi kawasan kajian yang dijalankan. Melalui GPS ini, kedudukan kawasan kajian diperolehi. Data-data yang diperolehi ini akan di masukkan ke dalam *Map Source* dan akan dianalisis di dalam *DNR Garmin* untuk mendapatkan *data base* sebelum dimasukkan ke dalam *Google Earth*. Tujuan data ini dimasukkan ke dalam *Google Earth* adalah untuk melihat taburan kawasan secara menyeluruh.

1.5.3 Pemetaan Kawasan

Pemetaan kawasan ladang padi bukit dilakukan dalam kajian ini bagi mendapatkan data berkaitan dengan keluasan ladang, ketinggian ladang dan kecerunan kawasan ladang yang dipilih untuk pertanian padi bukit. Pemetaan kawasan ladang ini menggunakan dua kaedah iaitu pengukuran secara manual dan pengukuran dengan menggunakan GPS. Bagi pengukuran secara manual, kajian ini menggunakan pita pengukur yang bersaiz 100 m hingga 500 m untuk mendapatkan panjang dan lebar ladang (Plet 1.1). Data panjang dan lebar ini perlu didarabkan bagi mendapatkan keluasan ladang padi bukit. Kaedah pengukuran secara manual dilakukan kerana faktor cuaca yang tidak menentu serta kawasan ladang dilitupi oleh kanopi yang menyukarkan penggunaan GPS.

Kaedah kedua untuk pemetaan kawasan ladang padi bukit ialah dengan menggunakan GPS kerana ia lebih mudah dan mendapatkan data keluasan dengan lebih jitu. Selain itu, penggunaan GPS untuk mendapatkan keluasan ladang ini kerana faktor masa serta jumlah ladang yang banyak serta jauh dari kawasan penempatan. Melalui kaedah pengukuran menggunakan GPS ini, hanya perlu mendapatkan sekurangnya-kurangnya empat titik koordinat di kawasan ladang bagi memudahkan data dimasukkan dalam *google earth pro* (Plet 1.2). Data yang telah dikumpul ini dianalisis terdahulu dalam perisian *DNR Garmin* bagi mendapatkan longitud dan latitud kawasan ladang dan dimasukkan dalam *google earth pro*. Titik-titik koordinat ini disambung antara satu sama lain berdasarkan kod yang telah diberikan semasa berada di kawasan lapangan. Bacaan keluasan ladang ini adalah meter persegi (m²).



Plet 1.1: Pemetaan menggunakan pita pengukur



Plet 1.2: Pemetaan menggunakan GPS (*Global Positioning System*)

1.5.4 Penyertaan Ikut Serta

Penyertaan ikut serta merupakan kaedah etnografi yang berkesan di mana seseorang penyelidik mengambil bahagian dalam aktiviti kumpulan masyarakat yang dikaji dan menyelami sesuatu peranan dalam tempoh tertentu (Wolcott 2008:46-47). Melalui penyertaan ikut serta ini dapat melihat setiap gerak kerja yang dilakukan dalam aktiviti penanaman padi bukit seperti menugal, merumput dan menuai (Plet 1.3).

Selain itu juga, melalui penyertaan ikut serta ini memberikan satu pengetahuan baru disamping dapat mendekati diri dengan masyarakat ini.

Hal ini kerana kaedah ini juga membantu lebih mendalami dan memahami budaya masyarakat Temiar ini melalui perbualan secara spontan. Komitmen dan disiplin sangat penting dalam mengikuti segala aktiviti pertanian padi bukit ini bagi mendapatkan data yang lebih terperinci. Kajian ini telah melibatkan penyertaan dalam aktiviti merumput pada bulan Oktober 2010 dan aktiviti menuai serta kenduri pada bulan Februari hingga Mac 2011 di RPS Pasik. Selain daripada aktiviti merumput, menuai dan kenduri, kajian secara penyertaan ikut serta juga melibatkan aktiviti pemilihan tapak ladang padi, menebang dan menebas, memilih biji benih dan menugal pada bulan Ogos dan September 2011 di kawasan kajian iaitu RPS Pasik. Selain itu juga, bagi menambahkan data pemerhatian ikut serta ini juga turut dijalankan di RPS Kuala Betis, Kelantan.



Plet 1.3: Penyertaan ikut serta dalam aktiviti menuai padi bukit

1.5.5 Borang Soal Selidik

Kajian ini juga melibatkan pengumpulan data-data yang berbentuk kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik yang terancang dan bersistematik. Hal ini kerana soal selidik ini mengandungi soalan untuk mendapatkan data atau maklumat daripada informan di kawasan kajian. Terdapat dua bentuk soalan yang diberikan kepada informan iaitu soalan yang berbentuk terbuka (*open ended*) dan soalan berbentuk tertutup (*close ended*) (Norazit 1993). Soalan terbuka ini adalah soalan yang memerlukan informan memberikan pendapatnya sendiri. Misalnya ‘apakah jenis padi yang ditanam?. Manakala soalan tertutup pula ialah soalan yang memerlukan informan menjawab soalan dengan pilihan jawapan yang telah diberikan. Contoh soalan tertutup ialah ‘adakah terdapat pantang larang semasa pemilihan tapak ladang padi bukit?. Informan perlu menjawab ‘ya’ atau ‘tidak’ dengan soalan yang berbentuk tertutup ini.

1.5.6 Temubual

Temubual bersama dengan informan di kawasan kajian merupakan salah satu kaedah yang berkesan untuk mendapatkan data yang lebih terperinci. Terdapat dua jenis temubual iaitu temubual secara langsung dan temubual secara mendalam. Temubual secara langsung ialah temubual yang dapat berkomunikasi dengan informan secara terus dan ini dapat membantu memahami dengan lebih mendalam tentang pertanian padi bukit. Temubual yang dilakukan secara langsung ini memberi peluang untuk bertanyakan semua aspek dalam kehidupan masyarakat Temiar di RPS Pasik dan RPS Kuala Betis. Melalui temubual ini juga, dapat mendekati diri dengan kaum wanita yang terlibat dengan aktiviti pertanian padi bukit (Plet 1.4).

Hal ini kerana golongan wanita Temiar ini sukar berkomunikasi dengan orang luar sekiranya orang luar tidak dapat memahami kehidupan seharian mereka. Temubual secara langsung ini memerlukan kepakaran dalam memanipulasi dan mengembangkan soalan supaya informan dapat memahami secara jelas soalan yang diutarakan. Hal ini bertujuan agar informan dapat memberikan jawapan yang tepat dalam mendapatkan data-data yang terperinci berkaitan dengan kajian (Norazit 1993).



Plet 1.4: Penyertaan ikut serta dan temubual bersama wanita Temiar

Temubual secara mendalam pula merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan unsur-unsur dalaman seperti kepercayaan, upacara amal, pantang larang dan amalan ritual. Dalam kajian yang dijalankan terhadap masyarakat pertanian padi bukit, kebiasaannya temu bual secara mendalam ini melibatkan *batin* dan *berlian/halaq* kerana mereka merupakan insan istimewa yang dapat berhubung dengan semangat-semangat (Plet 1.5).

Walaupun bagaimanapun, kaedah ini sukar dilakukan kerana ia banyak dipengaruhi oleh emosi informan yang sukar untuk memberitahu maklumat yang diinginkan.



Plet 1.5: Temubual secara mendalam bersama dengan *batin* Hashim A/L Alang

1.5.7 Catatan

Kaedah catatan perlu dilakukan sepanjang kajian ini berlangsung untuk mengumpul maklumat berdasarkan pemerhatian yang dilakukan selain maklumat yang disampaikan oleh informan secara spontan dan langsung (Plet 1.6). Melalui catatan berdasarkan pemerhatian dan temubual secara langsung ini dapat mengelak berlakunya kecikiran maklumat yang penting. Selain itu, pengumpulan data melalui catatan ini adalah lebih induktif, interaktif dan rekursif serta strategi yang lebih analitik untuk mendapatkan data yang diperlukan sepanjang kajian berlangsung. Maklumat yang perlu dicatatkan di dalam buku catatan ini ialah terdiri daripada tarikh, hari, lokasi, informan serta maklumat yang diperolehi dari pemerhatian dan temubual. Hal ini membantu untuk menambahkan data selain daripada maklumat melalui borang soal selidik.



Plet 1.6: Catatan berdasarkan pemerhatian di kawasan lapangan

1.5.8 Lukisan

Kajian ini turut menggunakan kaedah melukis setiap koleksi peralatan budaya material untuk tujuan merekod data dan medokumentasikan secara terperinci tentang peralatan budaya material dari aspek morfologi, saiz dan motif-motif yang terdapat pada budaya material tersebut. Semua lukisan yang dihasilkan ini menggunakan peralatan seperti pensil mekanikal, set geometri dan peralatan lukisan lain. Lukisan yang dihasilkan mempunyai skala berdasarkan saiz, ketinggian dan ketebalan peralatan tersebut.

1.5.9 Eksperimen

Eksperimen yang dilakukan dalam kajian ini melibatkan dua jenis eksperimen iaitu eksperimen untuk menghasilkan replika Pisau Tembeling dan eksperimen kesan guna terhadap replika yang dihasilkan ini. Perbincangan lebih lanjut adalah seperti dalam sub tajuk dibawah.

1.5.9.1 Penghasilan Replika Pisau Tembeling.

Eksperimen arkeologi merupakan kaedah yang digunakan untuk mengetahui fungsi atau teknik sesuatu peralatan dihasilkan (Renfrew & Bahn 2004: 57). Kajian ini turut menjalankan eksperimen bagi menghasilkan replika Pisau Tembeling kerana melalui eksperimen ini dapat mengetahui teknik-teknik yang digunakan untuk penghasilan Pisau Tembeling oleh masyarakat prasejarah. Selain itu, eksperimen penghasilan replika ini menggunakan material yang sama dengan artifak sebenar iaitu batuan jenis sabak atau syis. Batuan syis terjadi melalui proses metamorf akibat tekanan dan haba yang tinggi. Batuan sabak ini juga adalah batuan berjalur iaitu mempunyai susunan mineral yang berlapis-lapis secara selari dan ciri-ciri batuan sabak ini ialah mempunyai tekstur sederhana kasar (Chand 1978). Melalui eksperimen ini juga dapat membantu menjawab isu dan masalah teknologi yang digunakan dalam menghasilkan Pisau Tembeling dan material yang digunakan oleh masyarakat pra sejarah dalam menghasilkan peralatan yang ringkas dan mudah digunakan.

1.5.9.2 Eksperimen Kesan Guna

Eksperimen kesan guna dilakukan terhadap replika yang dihasilkan dengan menguji replika tersebut di kawasan ladang padi. Tujuan eksperimen kesan guna ini adalah untuk menjawab isu adakah fungsi sebenar Pisau Tembeling ini sebagai alat untuk menuai padi. Selain itu juga, melalui eksperimen kesan guna terhadap replika ini dapat membantu mengetahui teknik yang sebenar penggunaan Pisau Tembeling. Hal ini dapat memberikan jawapan terhadap isu berkaitan dengan Pisau Tembeling yang dikatakan sebagai alat untuk menuai padi oleh Tweedie (1942;1949) dan Adi (1989).

1.5.10 Analisis Kesan Guna

Analisis kesan guna ini dilakukan terhadap replika yang telah dihasilkan. Melalui analisis ini dapat melihat secara perbandingan antara kesan guna replika dengan artifak sebenar. Kaedah ini dapat membantu menjawab isu dan masalah berkaitan dengan fungsi yang sebenar Pisau Tembeling yang digunakan oleh masyarakat prasejarah. Analisis kesan guna ini dilakukan di makmal dengan melibatkan dua jenis analisis iaitu analisis makro dan analisis mikro. Perbincangan yang jelas dibincangkan dalam sub tajuk di bawah.

1.5.10.1 Analisis Makro

Analisis makro merupakan salah satu analisis yang dijalankan di makmal bagi membuat penilaian berdasarkan pandangan mata kasar. Melalui analisis makro terhadap artifak Pisau Tembeling ini dapat melihat ciri-ciri artifak tersebut seperti jenis batuan yang digunakan, saiz butiran, panjang, ketebalan dan bentuk. Melalui analisis makro ini dapat membantu mendapatkan data-data yang terperinci tentang artifak berkenaan dalam membina interpretasi.

1.5.10.2 Analisis Mikro

Analisis mikro adalah merupakan analisis yang juga dijalankan di makmal dengan membuat pemerhatian terhadap artifak Pisau Tembeling di bawah mikroskop jenis *stereo Laica KL 1500 LCD*. Ciri-ciri yang dapat dilihat menerusi mikroskop ini terdiri daripada retakan, jenis retakan, topografi permukaan mata tepi, taburan gilapan, jenis taburan, goresan, garisan, jaluran dan perkembangan gilapan. Selain daripada analisis kesan guna terhadap Pisau Tembeling, analisis mikro juga dilakukan terhadap replika bagi melihat sama ada terdapat persamaan atau perbezaan

antara kesan guna artifak dengan replika. Melalui analisis ini dapat memberikan gambaran terhadap penggunaan sebenar alat Pisau Tembeling tersebut.

1.5.11 Rakaman Audio, Video dan Foto

Kajian terhadap masyarakat pertanian padi bukit ini juga turut menggunakan kaedah rakaman temubual dengan menggunakan alat perakam digital jenis *Panasonic*, selain itu kajian ini juga menggunakan *video cam* jenis *sony* dan pengambilan foto dengan menggunakan kamera digital untuk tujuan merakamkan semua aktiviti yang melibatkan masyarakat yang dikaji. Hal ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci kerana melalui kaedah ini dapat membantu memberikan maklumat yang lengkap dan menyeluruh. Kaedah rakaman ini digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan data-data yang tidak nampak dan berbentuk abstrak seperti lagu-lagu sewang, doa atau mentera. Selain itu, pengambilan foto dan rakaman video dilakukan sepanjang eksperimen dilakukan bagi mendapatkan data yang lebih terperinci serta mengelakkan berlakunya keciciran data disamping dapat menjalankan kajian perbandingan dengan lebih jelas antara kesan guna yang terdapat pada artifak dan replika.

1.5.12 Analisis Data

Kajian terhadap masyarakat pertanian padi bukit ini telah menghasilkan data melalui dua sumber iaitu data kuantitatif dan data kualitatif. Data kuantitatif ini adalah bermaksud data yang boleh diukur dengan suatu pengukuran seperti ketinggian, berat, keluasan dan jarak. Data kualitatif pula ialah data yang melibatkan bentuk konsep, nilai, kepercayaan, tingkah laku dan model yang mencirikan sesuatu perkara. Data kuantitatif dan kualitatif dianalisis dan diinterpretasikan secara diskriptif.

Contoh data kuantitatif yang diakses dalam perisian *Microsoft Excell* ialah bilangan yang terlibat dalam aktiviti menebang, merumput, menugal, menuai dan serta analisis corak ekonomi lain dan sebagainya. Tujuan analisis ini dijalankan adalah untuk mendapatkan statistik penglibatan masyarakat dalam sesuatu aktiviti pertanian dalam tempoh yang tertentu. Data yang berkaitan dengan teknologi dan budaya material dianalisis berdasarkan morfologi, sumber bahan mentah, fungsi dan motifnya.

1.5.13 Interpretasi Data dan Penulisan Laporan

Data-data yang diperolehi melalui hasil kajian lapangan dan analisis makmal ini dikumpul serta digabungkan bagi tujuan interpretasi. Ia adalah bertujuan untuk menjawab persoalan-persoalan dan isu yang ditimbulkan dalam kajian seperti isu adaptasi kawasan persekitaran dan kawasan ladang sama ada mempunyai persamaan atau perbezaan, teknologi yang digunakan dalam setiap aktiviti sama ada sebelum, semasa dan selepas pertanian padi bukit dijalankan, struktur organisasi yang memainkan peranan dalam setiap gerak kerja dan kepercayaan yang masih diamalkan oleh masyarakat petani padi bukit.

1.6 Kawasan Kajian

Kajian ini telah dijalankan di perkampungan Orang Asli Temiar yang terletak di daerah Gua Musang, Hulu Kelantan. Secara keseluruhan penempatan masyarakat Orang Asli Temiar ini terdiri daripada tiga penempatan RPS dan 12 penempatan POS. Penempatan RPS ini bermaksud Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Hal ini bermaksud, jabatan mencari kawasan yang strategik untuk mengumpul Orang Asli yang tinggal berselerak di dalam pedalaman. Tujuan RPS ini ditubuhkan adalah untuk menjaga keselamatan dan